

19 FEB 2003

Nazri-Kraf

KABINET TETAPKAN 28 FEB SEBAGAI HARI KRAF KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Kabinet memutuskan 28 Feb sebagai Hari Kraf Kebangsaan bagi mengiktiraf sumbangan usahawan dan penggiat kraf dalam mengembangkan industri kraf dan ekonomi negara.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz hari ini berkata Hari Kraf Kebangsaan juga dapat memberi kesedaran di kalangan masyarakat mengenai kewujudan pelbagai produk kraf tempatan.

"Kraftangan Malaysia mempunyai kualiti dan barangan yang dihasilkan adalah mengikut keperluan negara-negara yang menjadi tumpuan pasaran," katanya kepada pemberita pada sidang media mengenai sambutan Hari Kraf Kebangsaan pada 27 Feb hingga 2 Mac ini.

Hari Kraf Kebangsaan 2003 akan diadakan pada 28 Feb di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikannya.

Dua anugerah Tokoh Kraf Negara 2002 juga akan disampaikan pada majlis itu. Kali pertama anugerah sedemikian disampaikan ialah pada 1998.

Setiap tokoh akan menerima wafiah, wang tunai RM30,000, sepasang persalinan songket bernilai RM1,500, tambang perjalanan dan sara hidup bernilai RM1,500 dan bayaran perubatan bagi rawatan kelas satu hospital kerajaan selama lima tahun bernilai RM7,000.

Sempena Hari Kraf Kebangsaan bertema "Cintai Kraf Malaysia" itu, ekspo kraf, bazar kraf, persembahan kesenian dan permainan rakyat, forum dana dan bantuan untuk usahawan, kaunter bantuan kemudahan serta demonstrasi dan interaktif kraf juga akan diadakan.

Kira-kira 105 usahawan akan turut serta dalam jualan bazar itu manakala 354 usahawan kraf akan menyertai forum tertutup mengenai dana dan bantuan untuk usahawan pada 1 Mac depan.

-- BERNAMA

LIB AHH NAK